

23 OCT 1998

Belanjawan-Sumber Manusia

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DIBERI PERHATIAN DALAM BELANJAWAN

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Aspek pembangunan sumber manusia turut diberi perhatian oleh kerajaan dalam belanjawan 1999 menerusi usaha meningkat kemudahan pembelajaran serta kemudahan latihan bagi melahirkan lebih banyak tenaga kerja mahir.

Ketika membantangkan belanjawan itu di Dewan Rakyat hari ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sejajar dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan, sebanyak RM13.5 bilion disediakan untuk meningkatkan prasarana dan kemudahan sokongan serta pembangunan kurikulum.

Beliau berkata daripada jumlah itu sebanyak RM8 billion adalah untuk pendidikan rendah dan menengah dengan pembukaan 183 buah sekolah rendah dan menengah baru akan dibuka manakala 1,217 buah lagi sedang dan akan dibina.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan juga meningkatkan taraf sekolah vokasional dan sekolah teknik.

Mengenai pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam tempatan, Dr Mahathir berkata jumlahnya akan ditingkatkan daripada 77,600 kepada 84,000 orang pada tahun depan.

Beliau berkata bagi menampung tambahan pelajar peruntukan sebanyak RM2.85 bilion diperuntukkan bagi meningkatkan kemudahan pembelajaran dan pengajaran, prasarana dan penginapan.

"Antara projek yang sedang dan akan dilaksanakan ialah pembinaan pusat-pusat matrikulasi, Fakulti Perubatan Universiti Islam Antarabangsa di Pahang, kampus tetap Universiti Malaysia Sabah termasuk cawangannya di Labuan dan kampus tetap Universiti Malaysia Sarawak," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus membantu pembiayaan pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan melalui Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dengan peruntukan RM320 juta disediakan oleh tabung itu tahun depan yang akan memanfaatkan 24,600 pelajar.

Katanya sebanyak RM1.145 bilion disediakan di bawah kementerian-kementerian Pendidikan, Pembangunan Usahawan, Sumber Manusia dan Belia dan Sukan untuk menyediakan latihan kemahiran di 79 buah sekolah vokasional dan teknik, 16 buah institut latihan kemahiran, 135 buah Pusat Giat MARA.

Dr Mahathir berkata 24 buah lagi pusat kemahiran baru akan dibina.

Mengenai perumahan, Perdana Menteri berkata walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi kerajaan peka dengan keperluan rumah terutama oleh golongan berpendapatan rendah.

Beliau berkata menerusi tabung yang ditubuhkan oleh kerajaan seperti Tabung Perumahan Untuk Rakyat Termiskin, Tabung Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah dan Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah, sebanyak 27,500 unit rumah kos rendah akan dapat disiapkan dalam tempoh 1998 dan 1999.

Katanya kerajaan menyediakan peruntukan RM783 juta bagi pembinaan rumah kediaman anggota perkhidmatan awam termasuk guru, tentera, polis, kastam dan imigresen serta pembinaan rumah kos rendah di bawah program yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

Mengenai alam sekitar pula, Dr Mahathir berkata sejumlah RM265 juta diperuntukkan bagi mengawasi pencemaran alam sekitar, memulihara sumber-sumber asli negara dan meningkatkan tahap kualiti alam sekitar.

Beliau berkata usaha akan terus ditumpukan kepada perancangan gunatanah yang bersepadu, penggunaan dan pembangunan sumber asli yang mampan, pemuliharaan kawasan tadahan air serta pengendalian hutan simpan.

Katanya kerajaan akan meningkatkan lagi kerjasama dengan negara-negara jiran khususnya Asean bagi mengawasi dan mencari penyelesaian terhadap pencemaran alam sekitar seperti kebakaran hutan yang berlaku tahun lepas.

Mengenai aspek keselamatan dan pertahanan negara pula, Dr Mahathir berkata sejumlah RM8.73 bilion disediakan di bawah beberapa jabatan termasuk polis, angkatan tentera, penjara dan imigresen.

Beliau berkata peruntukan itu meliputi keperluan pengurusan dan operasi, pembelian peralatan tentera, pembinaan prasarana keselamatan seperti balai polis, penjara baru dan pangkalan tentera serta perolehan operasi seperti pesawat dan radar, bot polis, kereta peronda serta alat komunikasi.

-- BERNAMA

AKT NMO